

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK

ABDUL AZIZ

[PASIR MAS – PAS]

TARIKH : 26 OKTOBER 2017

NO. SOALAN : 44

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian bercadang merangka suatu polisi berkaitan dengan pelarian di negara ini.

103

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti Tuan Yang Di-Pertua sedia maklum, dari segi polisi, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status "pelarian" memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Di kalangan negara ASEAN, hanya Filipina dan Cambodia yang merupakan Negara Pihak kepada Konvensyen dan Protokol tersebut.

Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, "pelarian" yang telah diberikan status perlindungan antarabangsa oleh Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) telah dibenarkan tinggal untuk sementara waktu sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga.

Sehingga kini, pihak Kerajaan Malaysia masih mengekalkan dasar-dasar sedia ada terhadap "pelarian" yang memegang kad UNHCR yang sah iaitu:

- (i) bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara. Walau bagaimanapun, "pelarian" ini hanya dibenarkan berada di Semenanjung Malaysia sahaja;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip '*non-refoulement*' melainkan secara sukarela

(*voluntary return*). "Pelarian" tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal;

- (iii) berhak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (iv) mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti "pelarian" dan UNHCR.

Walaupun bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan 'case by case basis' selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuatkuasa.

Sebarang bentuk bantuan kepada "pelarian" dan pemohon suaka tidak menunjukkan pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap golongan tersebut. Oleh yang demikian, jika mereka terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan dan mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang yang terpakai dalam negara ini.

Sekian, terima kasih.